

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility) (LCTF-i)

Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat am dengan teliti.

Nama Produk:
Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility) (LCTF-i)

Tarikh:

[Tarikh helaian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

1. Apakah produk ini?

Kemudahan Peralihan Karbon Rendah (LCTF-i) bertujuan untuk menyokong perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam inisiatif mereka ke arah peralihan kepada operasi karbon rendah, dengan kemudahan pembiayaan ditawarkan sehingga RM10.0 juta bagi setiap PKS.

LCTF-i ditubuhkan oleh BNM selaras dengan matlamat Kerajaan Malaysia untuk mempunyai ekonomi pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Amalan-amalan lestari ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:-

- Mendapatkan pensijilan kemampunan
- Meningkatkan penggunaan bahan mampan untuk pengeluaran
- Meningkatkan kecekapan tenaga bangunan dan peralatan
- Memasang peralatan penjanaan tenaga boleh diperbaharui di tapak

Ia terbuka kepada PKS Malaysia dalam semua sektor yang sedang berusaha untuk mengubah operasi mereka menjadi amalan perniagaan yang lebih mampan dan rendah karbon yang memenuhi semua perkara berikut:

- memenuhi definisi PKS yang dikeluarkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (NSDC);
- berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah dan Sarawak; atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan profesional;
- Rakyat Malaysia yang menetap di Malaysia memegang sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dalam PKS;
- Pegangan saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak boleh melebihi 20%.

2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i), ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan dengan harga penambahan di mana pelanggan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusniaga jualan antara Pelanggan dan Bank merupakan komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.

- Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, pihak Bank memperoleh/membeli komoditi patuh Syariah daripada pihak ketiga (peniaga komoditi 1) atas permintaan pelanggan.
- Pihak Bank kemudian menjual komoditi kepada pelanggan dengan Harga Jual Bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan Bank. Pelanggan membayar secara bertahap.
- Pelanggan kemudian melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (peniaga komoditi 2).
- Pihak Bank, sebagai wakil pelanggan kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (peniaga komoditi 2) pada Harga Jual mengikut amaun pembiayaan.
- Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada pelanggan, vendor atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat pembiayaan.

Bagi tujuan pembelian dan penjualan Komoditi Murabahah, pihak Bank akan menjadi ejen bagi setiap transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan pembiayaan tersebut.

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Surat Kredit-i (LC-i) adalah seperti berikut:

| Kontrak Syariah | Definisi |
|-----------------|--|
| Wakalah (Wakil) | Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai wakil (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan |

| | |
|----------------------------------|---|
| Murabahah Purchase Orderer (MPO) | atau tanpa mengenakan bayaran. “MPO” adalah aturan di mana pemesan belian (pembeli) berjanji (wa`d) untuk membeli aset yang dikenal pasti dan dinyatakan daripada penjual atas terma Murabahah bila mana penjual sudah memperoleh aset tersebut. |
|----------------------------------|---|

3. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini?

| Jumlah Pembiayaan | <p>Maksimum: RM10.0 juta, setiap PKS</p> <p>Nota: <i>Jumlah pembiayaan agregat maksimum sebanyak RM5.0 juta bagi setiap PKS di bawah Dana BNM untuk PKS TIDAK terpakai untuk Kemudahan ini.</i></p> <p><i>Sekiranya jaminan daripada SJPP dikenakan, jumlah pembiayaan dibenarkan tertakluk kepada yang berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pembiayaan agregat tidak melebihi RM 20.0 juta bagi setiap *kumpulan syarikat terhad untuk semua skim yang dijamin SJPP, termasuk kemudahan ini.</i> • <i>*Had kumpulan yang ditakrifkan sebagai syarikat di bawah kumpulan yang sama melalui pegangan saham (memegang 50% atau lebih), pengarah (menyediakan jaminan) dan penjamin yang berkaitan.</i> <p>Nota: <i>Kelulusan dan jumlah pembiayaan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank.</i></p> | | | | | | |
|--|--|-------------------------------|--|--|-------------------------------------|-----------------------|---|
| Tujuan Pembiayaan | <p>Untuk membiayai perbelanjaan modal (CAPEX)* atau tujuan modal kerja untuk memulakan atau memudahkan peralihan kepada operasi rendah karbon dan mampan.</p> <p>Nota:</p> <p>* Tidak termasuk pembelian tanah. Institusi Kewangan Sertaan (PFI) bertanggungjawab untuk menjalankan usaha wajar dan meletakkan perlindungan dalam memastikan harta yang dibeli oleh pelanggan adalah untuk kegunaan perniagaan dan bukannya untuk tujuan pelaburan atau sewa:-</p> <p>(i) Usaha wajar termasuk tetapi tidak terhad kepada menjalankan pemeriksaan kredit dan meneliti rancangan perniagaan terutamanya ke atas PKS yang mempunyai pelbagai hartanah dan pembiayaan tertinggak atau permohonan sedia ada untuk pembelian bangunan; Dan</p> <p>ii) Mensyaratkan mungkin termasuk, antara lain, memerlukan PKS dan pemegang saham untuk memberikan perisyiharan atau bentuk bukti lain bahawa harta yang dibeli adalah untuk kegunaan perniagaan, mewajibkan bangunan itu diduduki oleh PKS yang mendapatkan pembiayaan, dan lain-lain.</p> <p>Pembayaran balik (<i>reimbursement</i>) TIDAK DIBENARKAN.</p> | | | | | | |
| Jenis Kemudahan | Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i) dan Surat Kredit-i (LC-i) (Sight/Usance) | | | | | | |
| Tempoh Pembiayaan | <p><u>Tidak melebihi 10 tahun dari tarikh pengeluaran pertama.</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk jumlah pembiayaan sehingga RM 1 juta- tempoh pembiayaan sehingga 7 tahun • Untuk jumlah pembiayaan lebih daripada RM 1 juta- tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun | | | | | | |
| Harga/Kadar Keuntungan | <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kemudahan</th> <th>Indikatif Penetapan Harga / Kadar Keuntungan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i)</td> <td>Kadar efektif 5.00% setahun</td> </tr> <tr> <td>Surat Kredit-i (LC-i)</td> <td>0.1% setiap mensem (min RM75.00)</td> </tr> </tbody> </table> | Kemudahan | Indikatif Penetapan Harga / Kadar Keuntungan | Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i) | Kadar efektif 5.00% setahun | Surat Kredit-i (LC-i) | 0.1% setiap mensem (min RM75.00) |
| Kemudahan | Indikatif Penetapan Harga / Kadar Keuntungan | | | | | | |
| Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i) | Kadar efektif 5.00% setahun | | | | | | |
| Surat Kredit-i (LC-i) | 0.1% setiap mensem (min RM75.00) | | | | | | |
| Harga Jualan Bank | <p>Kadar Pembiayaan Asas (KPA) semasa adalah 6.65% setahun efektif dari 8 Mei 2023.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jika Kadar Keuntungan Efektif</th> <th>Maka Kadar Keuntungan Siling</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>KPA + (< 3.00%)</td> <td>KPA + 4% atau 10%, mana yang tinggi</td> </tr> <tr> <td>KPA + (≥ 3.00%)</td> <td>KPA + 4% + margin keuntungan atau 15%, mana yang tinggi</td> </tr> </tbody> </table> | Jika Kadar Keuntungan Efektif | Maka Kadar Keuntungan Siling | KPA + (< 3.00%) | KPA + 4% atau 10%, mana yang tinggi | KPA + (≥ 3.00%) | KPA + 4% + margin keuntungan atau 15%, mana yang tinggi |
| Jika Kadar Keuntungan Efektif | Maka Kadar Keuntungan Siling | | | | | | |
| KPA + (< 3.00%) | KPA + 4% atau 10%, mana yang tinggi | | | | | | |
| KPA + (≥ 3.00%) | KPA + 4% + margin keuntungan atau 15%, mana yang tinggi | | | | | | |

| | |
|--------------------------------|---|
| Perlindungan Jaminan oleh SJPP | 80% daripada amaun pembiayaan. |
| Ketersediaan/Tempoh Permohonan | Dibuka sehingga penggunaan penuh had skim sebanyak RM 2.0 bilion sahaja. |
| Faedah Tambahan Lain | I. Keyman Takaful II. Maybank Islamic Kad Komersial-i III. SME Overdraft Protector Plus (ODP) iv. Perkhidmatan Pengurusan Tunai/Gaji |

4. Bolehkah saya memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut? Apakah kos yang terlibat?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk peryerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

5. Apakah tanggungjawab saya?

I. Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i)

- A. Membuat bayaran keuntungan kemudahan secara bulanan sebelum pengeluaran Kemudahan penuh dikeluarkan oleh pihak Bank
- B. Membuat bayaran ansuran bulanan setelah pengeluaran penuh kemudahan dikeluarkan oleh pihak Bank.

Pembayaran kemudahan ini pada kebiasaannya adalah dalam bentuk ansuran bulanan. Ia dikira berdasarkan kadar keuntungan semasa, tempoh kemudahan dan baki pembiayaan terkumpul. Pembayaran jumlah ansuran akan bermula setelah pengeluaran kemudahan dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak Bank.

| | |
|--|---|
| Bayaran Keuntungan Bulanan* | RM _____ (bayaran keatas keuntungan berdasarkan jumlah Kemudahan dikeluarkan) |
| Bayaran Ansuran Bulanan* | RM _____ (bayaran keatas jumlah asas kemudahan dan keuntungan) |
| Jumlah Keseluruhan Ansuran yang Perlu Dibayar (termasuk Jumlah Kemudahan)* | RM _____ |

***Nota:** Amaun ansuran bulanan dan jumlah bayaran mungkin berbeza mengikut perubahan dalam Kadar Pembiayaan BNM dan/atau KPA. Walau bagaimanapun, jumlah bayaran tidak boleh melebihi Harga Jualan Bank. Kami akan memaklumkan jumlah ansuran baharu dalam tempoh 21 hari kalender sebelum tarikh berkuat kuasa.

6. Berapakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

| | |
|-------------------------|--|
| Duti Setem | Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Setem 1949 (semakan semula pada 1989). |
| Yuran Perdagangan | Berhubung dengan transaksi Komoditi Murabahah, pelanggan hendaklah membayar kepada pihak Bank, Yuran Perdagangan sebanyak RM 15 bagi setiap RM 1.0 juta amaun Kemudahan atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. |
| Yuran Jaminan SJPP/ CGC | Yuran jaminan termasuk dalam kadar keuntungan |
| Yuran Pembatalan SJPP | RM100.00 bayaran pembatalan ke atas pembiayaan SJPP yang diluluskan. |
| Cukai | Tertakluk kepada cukai dan levi sedia ada dan akan datang yang ditetapkan mengikut undang-undang. |
| Lain-lain Yuran | Semua kos dan perbelanjaan seperti yuran guaman atau lain-lain caj yang terlibat dalam penyediaan dokumen permohonan dan dokumen untuk perlindungan risiko pihak Bank. |

Nota : Tertakluk kepada pematuhan syariah, dua puluh satu (21) hari kalender notis bertulis akan diberikan kepada anda sekiranya terdapat perubahan kepada yuran dan caj yang perlu di bayar dan perubahan tersebut akan berkuatkuasa dari tarikh yang di nyatakan dalam notis tersebut.

7. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

| | |
|-------------------------|--|
| Caj Lewat Bayar | <p>A. Pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran lewat dan kemungkinan bayaran, berlandaskan mekanisma seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. <u>Bayaran Tertunggak</u> Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan dikeluarkan sehingga tarikh matang, caj lewat bayar akan dikenakan sebanyak 1% setahun ke atas amaun yang tertunggak atau cara lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). II. <u>Apabila Matang/Penghakiman (yang mana terdahulu)</u> Kadar Harian Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki tertunggak yang perlu dibayar atau menggunakan kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. <p>B. Walaubagaimanapun, caj lewat bayar yang dicaj tidak akan dikompaunkan kepada baki pembiayaan tertunggak.</p> <p>Nota: Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal memberi respon kepada notis peringatan.</p> |
| Hak Untuk Tolak-Selesai | Pihak Bank berhak menolak selesai dengan memberikan notis tujuh (7) kalender hari terdahulu pada mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan Bank untuk melunaskan mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini. |
| Kadar Kemungkinan | <p>Jika berlaku kemungkinan selama (3) bulan berturut-turut dalam sebarang pembayaran tertunggak atau akaun anda melebihi had tiga (3) bulan berturut-turut dibawah pembiayaan ini, Kami berhak untuk menaikkan margin keuntungan bagi kadar keuntungan efektif kepada Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau 1.0% setahun keatas kadar keuntungan efektif (jika kadar keuntungan efektif ialah Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau lebih), ("kadar kemungkinan") akan dikenakan pada jumlah yang tertunggak atau kadar keuntungan lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>Kami akan memberi anda notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum membuat sebarang perubahan pada Kadar Kemungkinan atau kadar yang lain.</p> <p>Kadar Kemungkinan akan terus digunakan melainkan anda mengurangkan bayaran tertunggak anda kepada kurang daripada tiga (3) bulan di mana Kadar Keuntungan Efektif semasa akan dikembalikan semula.</p> <p>Dengan syarat bahawa kenaikan tersebut tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran melebihi Harga Jualan Bank.</p> |

8. Bagaimana jika saya menjelaskan baki pembiayaan sebelum tempoh matang?

| | | | | | | |
|---|--|-------------------|--------------|---|--------------|---|
| Tempoh Tertutup untuk Penyelesaian Awal | Tiada. | | | | | |
| Yuran Penyelesaian Awal | Tiada. | | | | | |
| Rebat (<i>Ibra'</i>) | <p>Pihak Bank akan memberi rebat (<i>Ibra'</i>) kepada pelanggan dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pelanggan membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit dari bayaran awal; (b) Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh pembayaran keuntungan (untuk pembayaran berkala); (c) Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan (d) Sekiranya jumlah pengeluaran sebenar adalah rendah dari harga jualan bank. <p>Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan, tetapi didatangkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan Harga Jualan Bank kemudahan pembiayaan tersebut. Rebат berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula di bawah:</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td>Baki Harga Jualan</td> <td>tolak</td> <td>Baki Kemudahan</td> <td>tolak</td> <td>Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank</td> </tr> </table> <p>Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula <i>Ibra'</i>.</p> <p>Pergi ke Home > Announcements > Bank Negara Malaysia's Guideline on <i>Ibra'</i> (Rebate) for Sale-Based Financing.</p> | Baki Harga Jualan | tolak | Baki Kemudahan | tolak | Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank |
| Baki Harga Jualan | tolak | Baki Kemudahan | tolak | Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank | | |

9. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful?

Ya, anda disarankan untuk mengambil Perlindungan Peribadi Berkurangan Takaful (PRTT) bagi melindungi anda/ pemilik perniagaan/pengarah urusan /pengurus bersama/rakan kongsi/pemilik persendirian sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.

10. Apakah risiko utama?

Perlu diingatkan bahawa kadar keuntungan efektif boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pembiayaan Asas / Kadar Pembiayaan BNM. Peningkatan dalam kadar keuntungan efektif boleh menyebabkan bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran, sila hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai kaedah alternatif bayaran.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan maklumat kepada butir-butir perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini butir-butir perhubungan anda, sila hubungi kami melalui surat menyurat atau hubungi kami melalui salah satu rangkaian sebagai contoh: M2U atau lawati cawangan asal anda.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- I) Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai kaedah bayaran alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Cawangan : _____

Maybank/Maybank
Islamic

Alamat : _____
Tel/Faks : _____ Emel : _____

- II) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 and 6
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350, Kuala Lumpur

Tel: +603 2616 7766 Website: www.akpk.org.my

- III) Jika anda ingin membuat sebarang aduan ke atas produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Cawangan :
Maybank/Maybank
Islamic

Alamat :
Tel/Faks : _____ Emel : _____

- IV) Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-21741515 Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Di mana boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

Cawangan Maybank /Maybank Islamic:
Alamat :
Tel :
Emel:

14. Adakah terdapat skim Perbankan Perniagaan lain yang tersedia?

Ya. Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk skim-skim lain.

PENAFIAN TUNTUTAN

Maklumat serta terma dan syarat am yang dinyatakan di dalam helaian maklumat produk ini adalah bagi tujuan memberi maklumat dan tidak terikat kepada pihak Bank. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran selepas penilaian kredit dan kelulusan akhir oleh pihak Bank.

Nota Penting:

Pihak Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang jika anda gagal untuk membuat bayaran bulanan pembiayaan anda.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari September 2024 dan akan sah sehingga semakan semula seterusnya.

Pengakuan Pelanggan

Saya mengakui bahawa penjelasan yang mencukupi telah diberikan oleh pegawai bank kepada saya mengenai syarat-syarat penting dalam dokumen ini. Saya juga telah menerima Salinan Helaian Maklumat Produk ini.

Saya mengaku telah membaca dan faham isi kandungan Helaian Maklumat Produk ini.

[*Untuk Perkongsian/Pemilikan Tunggal]

[*Untuk Syarikat]

.....
Cop Perniagaan

Nama Penandatangan yang Sah:

Nombor Kad Pengenalan:

Tarikh:

.....
Penandatangan yang Sah dan Cop Perniagaan

untuk <*Syarikat/Nama Pelanggan>

Nama:

Nombor Kad Pengenalan:

Tarikh: